

27/04/2001

MK Land serah 6,112 pangsapuri kepada pembeli

MK Land Holdings Bhd, menerusi anak syarikatnya, Medan Prestasi Sdn Bhd menyerahkan 6,112 unit pangsapuri kepada pembeli mengikut projek Damansara Damai di Sungai Buloh, Selangor tahun ini.

Pangsapuri berkenaan dibangunkan dalam fasa perintis di kawasan seluas 160 hektar, bersebelahan Bandar Sri Damansara.

Projek itu yang dijalankan dengan kerjasama kerajaan Selangor merangkumi 11,118 unit kediaman mampu milik dengan 75 peratus daripadanya rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana yang dijual pada harga daripada RM25,000 hingga RM80,000.

MK Land dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, berkata satu majlis penyerahan kunci secara simbolik kepada 20 pembeli perintis akan diadakan Ahad ini yang dijangka dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pembangunan projek itu yang dijangka mengambil masa tujuh tahun untuk disiapkan, merangkumi 14,204 unit kediaman dan pusat komersial.

Keseluruhan projek itu dijangka siap pada 2005.

Walaupun dilancarkan dalam tempoh kegawatan pada pertengahan 1998, permintaan terhadap rumah mampu milik di Damansara Damai masih laris.

Sehingga pertengahan April lalu, 11,770 unit kediaman dan komersial dijual dengan menjana perolehan kira-kira RM713 juta.

Kenyataan itu berkata, hampir semua unit yang sudah dijual kini sedang dibina secara serentak.

Sehubungan itu, Medan Prestasi juga merancang membangunkan taman bandar di tengah-tengah kawasan projek berkenaan dalam menyediakan persekitaran gaya hidup sihat kepada penghuninya.

Justeru, syarikat turut mengekalkan kawasan seluas 19.2 hektar yang meliputi pelbagai pokok matang bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat berkonsepkan taman rimba.

Pengerusi Eksekutif MK Land, Datuk Mustapha Kamal, berkata usaha berkenaan adalah sejajar dengan komitmen syarikat dalam memberi jaminan rumah yang berkualiti kepada pembeli.

Projek Damansara Damai dijangka dihuni kira-kira 60,000 penduduk dalam tempoh dua tahun akan datang.

Ia dijangka menjadi pelanggan besar kepada kedai Vista yang akan menjadi nadi komersial Damansara Damai. Unit kedai Vista dijual pada harga RM344,700 selepas potongan 10 peratus kepada pembeli Bumiputera.

Ruang niaga itu sesuatu untuk sebarang perniagaan termasuk peralatan elektrik, perabot, barangan keperluan rumah, restoran dan klinik.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Roland Tan atau Masturah Othman menerusi 03-61571900 atau 012-3937661/ 012-3062446.

(END)